

# CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 49 Tahun 5

Januari 1998

ISSN 0128-8431

Pesanan daripada YB. Menteri

## PENGGUNA PERLU MENGUBAH SIKAP


S ejak bulan Julai tahun lalu, negara kita serta negara-negara lain di Asia seperti Negeri Thai, Filipina, Indonesia dan Korea Selatan dilanda krisis kewangan. Nilai matawang negara-negara tersebut telah jatuh berbanding dolar Amerika. Kerajaan kita telah mengambil beberapa langkah ke arah memulihkan ekonomi seperti mengurangkan perbelanjaan Kerajaan, mengetatkan syarat pinjaman bagi sektor yang tidak produktif, pemotongan gaji menteri kabinet dan elauan pegawai Kerajaan dalam beberapa kategori atasan. Oleh yang demikian, kesan kegawatan ekonomi telah mula dirasai oleh semua golongan rakyat Malaysia.

Tidak lama lagi, Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa akan menjelang tiba. Ada orang yang risau tentang bagaimana merayakan perayaan tersebut dengan wang yang ada dan kuasa beli yang sudah menurun. Keadaan ekonomi negara yang meruncing sekarang tidaklah bermakna kita tidak menyambut perayaan-perayaan yang telah dirayakan turun-

temurun. Perkara yang perlu kita lakukan ialah mengubah sikap dan amalan perbelanjaan kita.

Usaha sendiri mempunyai hikmatnya. Sejauh yang boleh bagi mereka yang

*Sebenarnya, sikap berjimat-cermat dan belanja secara berhemat adalah tabiat baik yang perlu diamalkan setiap waktu, tidak kira keadaan ekonomi negara. Semua agama menyeru umatnya mengelakkan pembaziran dan bersikap sederhana dalam segala aspek kehidupan.*




YB. Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob

buahan, keju dan mentega yang diimport, gantikanlah dengan kuih yang dibuat menggunakan tepung beras, ubi keledek, ubi kayu dan kurangkan gula dalam kuih.

Kain-kain langsir dan cadar yang dalam keadaan elok harus digunakan semula. Begitu juga dengan perabot dan kelengkapan rumah yang lain. Tidak semestinya semua ini perlu diganti dengan baru.

Kawal perbelanjaan. Sikap dan tabiat seseorang mungkin sukar diubah dalam jangka pendek, tetapi dengan kecekalan mental dan disiplin, kita dapat berbuat



# AMALKAN KESEDERHANAAN

**P**ada hujung bulan ini, kita akan menyambut Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa. Dalam kegembiraan kita membuat persiapan menyambut perayaan berkenaan, kita harus berhati-hati dan bijak dalam menentukan perbelanjaan.

Bekalan bahan-bahan keperluan untuk musim perayaan akan datang mencukupi. Saya ingin menasihatkan pengguna supaya jangan membeli bahan-bahan keperluan lebih daripada yang diperlukan untuk keperluan semasa. Tindakan sedemikian akan menyebabkan kekurangan bekalan dan rasa panik di kalangan pengguna.

Kementerian telah menyenaraikan 25 jenis barang perlu sebagai barang kawalan sempena perayaan berkembar tersebut. Di antara barang yang termasuk dalam senarai ini ialah mentega, keju, marjerin, minuman ringan, yis, bahan perasa, lada hitam, kelapa parut, cendawan, asin, tepung beras, tepung jagung, tepung pulut, dan ubi kentang. Jadi, bekalan barang-barang tersebut adalah dikawal. Pengguna tidak perlu bimbang akan kekurangan bekalan barang-barang berkenaan.


Pengguna juga harus membantu Kerajaan dalam meredakan masalah ekonomi masa kini dengan membeli barang-barang buatan tempatan. Bagi makanan, pengguna yang akan menyambut Tahun Baru Cina boleh mengantikan pembelian buah limau mandarin dengan limau tempatan. Tidak banyak beza dalam kualiti buah limau tempatan dengan limau mandarin yang

diimport dari Negeri Cina. Cuma, rupa limau mandarin mungkin lebih menarik.

Anak-anak pastinya akan menerima wang dalam bentuk *angpow* dan *duit raya*. Kita harus mengajar anak-anak cara berjimat-cermat dan mengelakkan pembaziran. Galakkan mereka menabung duit yang mereka terima. Amalan berjimat-cermat yang diterapkan semasa kecil akan membantu anak-anak juga berjimat-cermat apabila mereka dewasa kelak. Bimbinglah anak-anak untuk menghayati nilai wang. Duit yang kecil nilai mukanya adalah wang juga. Yang pentingnya *angpow* atau *duit raya* adalah pemberian yang ikhlas. Penerima tidak harus bersikap tamak dan mengharapkan *angpow* atau *duit raya* yang lumayan.

Akhir sekali, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina dan Selamat Hari Raya Puasa kepada semua pengguna yang merayakan kedua-dua perayaan tersebut. Sambutlah dengan kesederhanaan dan hayatilah nilai-nilai murni di sebalik perayaan tersebut.

**YB. Datuk Tan Chai Ho.  
Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan  
Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.**



## Penasihat

**YB. Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

## Sidang Redaksi

### Ketua Pengarang

**Y. Bhg. Dato' Mohamad Noor Abdul Rahim**

### Penasihat Pengarang

**Prof. Mohd Hamdan Adnan  
Prof. Dr. Sothi S. Rachagan**

**Pengedar: FOMCA**

### Pengarang

**Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi  
Encik Zulkifli Abu Bakar**

**Penolong Pengarang  
Encik Lim Ming Lee  
Puan P. Jayanthi**

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

**Ketua Pengarang  
Warta CERMAT**

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,  
Tingkat 23, Menara Maybank,  
100, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2329955  
Fax: 03-2389558**

# PANDUAN HARGA

Apabila pengguna pergi membeli-belah untuk barang keperluan, mereka perlu tahu harga barang-barang yang hendak dibeli. Dengan mengetahui harga barang-barang, mereka lebih bersedia menghadapi penjual. Sekiranya harga jualan terlalu tinggi di sesuatu kedai tertentu, pengguna boleh membuat keputusan mengelakkan pembelian barang di kedai tersebut. Berikut ialah harga beberapa barang keperluan:

## Minyak Masak

	Semenanjung		Sabah dan Sarawak	
	Sawit Tulin (RM)	Sayuran Campuran (RM)	Sawit Tulin	Campuran
500gm	1.85	2.05	2.05	2.25
1kg	3.30	3.60	3.65	3.95
2kg	6.25	7.20	6.85	7.90
3kg	9.00	10.35	9.90	11.40
5kg	13.35	14.70	14.70	16.15
17kg	42.00	46.20	46.20	50.80

## Susu Pekat Manis

Jenis/Saiz	Semenanjung Harga (RM/tin)	Sabah dan Sarawak Harga/(RM/tin)
Penuh Krim (397 gm)	1.75	1.90
Isian (397 gm)	1.60	1.70
Penuh Krim (525 gm)	2.20	2.35
Isian (525 gm)	2.05	2.15

## Roti

Jenis roti		Berat (gm)	Harga (RM)
High 5		400	1.70
		500	1.90
		600	2.20
Sydney		600	1.40
Gardenia	Enriched White Sandwich	400	1.70
	Jumbo Enriched White Sandwich	600	2.30
	High Fibre White	400	2.00
	Fine Grain Wholemeal	420	2.30
Sandwich biasa			.80

## Tepung gandum dan gula putih bertapis \*

	Semenanjung		Sabah dan Sarawak	
	Harga lama (RM)	Harga baru (RM)	Harga lama (RM)	Harga baru (RM)
Tepung gandum	1.00	1.20	1.00	1.20
Gula putih bertapis	1.20	1.45	1.30	1.55

\* Bagi gula dan tepung gandum, harga akan dinaikkan mulai 1 Februari 1998.



## Fokus Pengguna

*Pengguna harus yakin dengan kualiti barang tempatan. Jangan mempunyai perasaan prasangka terhadap barang tempatan. Berbanggalah menggunakan barang yang dibuat di tanahair sendiri. Berbanggalah negara kita mampu menghasilkan barang untuk kegunaan tempatan dan untuk dieksport*

Kegawatan ekonomi negara memaksa Kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan kesan kejatuhan nilai matawang ringgit. Di antara langkah yang diambil ialah pemotongan perbelanjaan Kerajaan Pusat sebanyak 10 %, menangguhkan semua projek mega, memperkenalkan potongan gaji para menteri, timbalan menteri dan potongan elaun beberapa kategori pegawai tinggi Kerajaan serta mengurangkan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun ini di antara empat hingga lima peratus.

Di samping langkah-langkah tersebut, Kerajaan terpaksa mengambil tindakan segera bagi mengurangkan aliran keluar matawang ringgit. Setiap tahun rakyat Malaysia membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mengimport barang dan perkhidmatan. Di antara barang yang diimport ialah makanan, minuman dan tembakau, minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran, bahanapi,

# BELILAH BARANGAN MALAYSIA



*Belilah barangan buatan Malaysia bagi membantu Kerajaan mengurangkan pengaliran keluar ringgit*

jentera, perkakas elektrik, pesawat udara, kapal dan lain-lain.

Urusniaga antarabangsa dilakukan dalam dolar Amerika. Akibat kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika sejak bulan Julai lalu, para pengguna di negara-negara yang mengalami kejatuhan dalam nilai matawang, seperti Malaysia perlu berbelanja lebih untuk mengimport barang-barang dan perkhidmatan. Harga barangan yang diimport pastinya akan meningkat. Ramai pengguna Malaysia tidak lagi mampu membeli barang import. Bagi barang-barang mewah dan barang bukan kawalan, Kerajaan tidak dapat campurtangan untuk mengawal harga.

Untuk mengurangkan pengaliran keluar ringgit, Kerajaan menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan barangan buatan Malaysia dan mengurangkan import.

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, sesuatu barang dianggap sebagai import apabila ia dibawa masuk ke dalam negara, sahada terus ataupun disimpan di gudang yang dikawal tanpa mengira sama ada barang tersebut adalah untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.

Buat masa ini, belum ada senarai lengkap barang-barang buatan Malaysia.

Kadang-kadang, sesuatu barang itu dibuat dalam negara tetapi kebanyakannya komponen atau bahan mentah diimport. Ada juga barang yang dibuat di bawah lesen dari syarikat induk di luar negara dan menggunakan bahan-bahan mentah tempatan.

Sementara senarai barang-barang buatan Malaysia disediakan, para pengguna harus lebih berhati-hati sebelum membeli sesuatu barang. Teliti pembungkusan atau label pada barang. Maklumat pembuat atau pengilang biasanya terdapat pada bungkusan barang. Bagi barang di mana pembuat sukar dipastikan dari bungkusan, bertanyalah kepada jurujual atau pengurus kedai. Dengan maklumat tersebut, pengguna boleh menentukan yang mana barang buatan Malaysia dan yang mana barang import.

membayar kos pengiklanan dan promosi barang berkenaan. Jangan membazir wang dengan pembelian barang-barang tersebut. Sebaliknya, mereka harus menggunakan alat solek buatan tempatan atau mengamalkan petua tradisional untuk memelihara kecantikan.

Pengguna harus yakin dengan kualiti barang tempatan. Jangan mempunyai perasaan prasangka terhadap barang tempatan. Berbanggalah menggunakan barang yang dibuat di tanahair sendiri. Berbanggalah negara kita mampu menghasilkan barang untuk kegunaan tempatan dan untuk dieksport.

Kesetiaan dan kepercayaan yang diberikan oleh pengguna terhadap barang buatan Malaysia harus dijaga oleh pembuat atau pengilang tempatan.

Mereka bertanggungjawab memberikan nilai terbaik bagi barang yang mereka tawarkan di pasaran. Pengilang harus pastikan mereka tidak mengecewakan pengguna. Barang-barang yang dihasilkan perlulah setanding kualitinya dengan barang import. Pengilang tidak harus meletakkan standard kualiti yang berasingan bagi barang yang dijual dalam negeri dan barang yang dieksport. Pengilang tempatan harus

membuktikan bahawa mereka mampu memuaskan kehendak pelanggan tempatan. Pengguna yang yakin dengan barang tempatan akan terus membeli barang tempatan. Bagi barang besar atau barang elektrik, khidmat selepas jualan mestilah berkesan. Pengguna harus dilayan dengan sebaik mungkin untuk mengekalkan jualan.

Di samping itu, para penjual atau pengiklan harus mempromosikan barang buatan Malaysia. Kalau dulunya mereka mengesyorkan barang-barang import kepada pelanggan, sekarang mereka harus mendorong pengguna supaya membeli barang Malaysia.

Berjaya atau tidaknya Kempen Belilah Barang Malaysia banyak bergantung kepada pengguna dan pengilang. Kedua-dua pihak harus memainkan peranan masing-masing dan saling percaya-mempercayai. Semua rakyat Malaysia harus berdiri teguh di belakang negara dalam usaha kita menangani kemelut ekonomi masa kini. Lebih cepat kita bertindak, lebih cepat kita akan melihat hasilnya.

*Berjaya atau tidaknya Kempen Belilah Barang Malaysia banyak bergantung kepada pengguna dan pengilang. Kedua-dua pihak harus memainkan peranan masing-masing dan saling percaya-mempercayai. Semua rakyat Malaysia harus berdiri teguh di belakang negara dalam usaha kita menangani kemelut ekonomi masa kini. Lebih cepat kita bertindak, lebih cepat kita akan melihat hasilnya.*

Sudah tiba masanya bagi semua rakyat Malaysia untuk mengubah sikap dan citarasa demi mengurangkan aliran keluar ringgit. Kaum lelaki perlu menukar selera dari memakai kasut kulit yang diimport kepada kasut buatan tempatan. Begitu juga dengan pakaian dan tali pinggang. Bagi mereka yang mempunyai tabiat merokok, kurangkan tabiat merokok. Lebih baik lagi, berhenti merokok. Kesihatan diri dan kesihatan keluarga lebih terpelihara. Duit yang dijimatkan boleh digunakan untuk perbelanjaan lain yang lebih memanfaatkan.

Kaum wanita, khususnya mereka yang menetapkan corak perbelanjaan isi rumah harus memainkan peranan mereka dengan lebih teliti. Apabila membeli-belah untuk bahan makanan misalnya, pilihlah bahan makanan tempatan. Masaklah hidangan tempatan yang menggunakan ramuan tempatan. Sebagai juadah pencuci mulut atau alas perut, belilah buah-buahan tempatan. Kurangkan pengambilan gula dalam masakan dan minuman. Selain itu, belilah pakaian buatan tempatan. Kurangkan penggunaan alat-alat solek berjenama masyhur dari luar negara. Dengan membeli barang berjenama, pengguna membantu

# KURSUS KEPEMIMPINAN PENGGUNA

Pada 20 Disember 1997, Persatuan Pengguna Pengguna Perak (PCA) dengan kerjasama Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) telah menganjurkan Kursus Pimpinan Pengguna di YMCA Ipoh, Perak. Tujuan kursus ini adalah untuk menyedarkan para peserta isu dan cabaran kepenggunaan serta melatih mereka untuk menjadi penggerak-penggerak organisasi pengguna di peringkat daerah dan negeri.

Kursus ini dikendalikan dalam bahasa Inggeris dan Melayu oleh Encik Paul Selvaraj, Ahli Majlis Tertinggi FOMCA. Seramai 38 peserta dari pelbagai daerah di negeri Perak telah dipilih untuk menyertai kursus ini. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan atau pengenalan daripada Presiden Persatuan Pengguna-Pengguna Perak (PCA) Encik Abdul Rahman Said Ali.



Sebahagian daripada para peserta dalam salah satu sesi yang diadakan.

Dalam sesi pertama, para peserta diberi peluang untuk memperkenalkan diri masing-masing dan menyuarakan aduan mengenai sebarang isu. Berpandukan kes-kes itu mereka dilatih untuk mengenal pasti hak-hak yang telah dicabut.

Sesi kedua dimulakan dengan menyentuh isu-isu dan cabaran semasa kepenggunaan. Antaranya ialah globalisasi, penswastaan, perundangan pengguna, penguatkuasaan undang-undang pengguna dan kuasa media. Ilustrasi dan penyampaian maksud dan kesan cabaran tersebut dilakukan dengan berkesan. Ini diikuti dengan isu-isu tempatan tertentu yang merupakan sebahagian daripada masalah para peserta. Kemudian, para peserta didekah dengan isu tanggungjawab kita sebagai pengguna, iaitu kesedaran kritikal,

penglibatan dan tindakan, tanggungjawab sosial dan tanggungjawab alam sekitar. Sesi kedua ini diakhiri dengan penerangan mengenai asas-asas kuasa seperti maklumat, wang, undang-undang, keahlian, barang dan perkhidmatan dan sebagainya.

Sesi ketiga yang juga sesi terakhir dimulakan dengan meminta para peserta membuat sebuah poster mengenai sebarang isu yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna. Dengan cara ini, para peserta dapat melihat bahawa isu yang mendapat perhatian para pengguna adalah isu yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari mereka dan isu itu mestilah jelas dan ringkas. Topik yang paling penting dalam kursus ini adalah untuk mengenal pasti dan melaksanakan tindakan yang sesuai berdasarkan kes masing-masing. Para peserta dilatih untuk memikirkan dan memilih tindakan sesuai yang harus diambil untuk menyelesaikan masalah masing-masing. Kursus ini diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta.

Keseluruhannya, aspek-aspek yang dikemukakan dalam kursus ini adalah asas-asas kepenggunaan, isu-isu dan cabaran semasa kepenggunaan, hak-hak pengguna, tanggungjawab pengguna, memantapkan kuasa pengguna, pengurusan isu, menggalakkan penyertaan pengguna, pendidikan pengguna, strategi-strategi memperjuangkan hak pengguna dan akhirnya kepemimpinan pengguna berwibawa.

Kesimpulannya, apa yang menarik dalam kursus ini adalah ia lebih praktikal dan bukan sekadar menghuraikan teori dan fakta dalam kehidupan sehari-hari. Kursus ini dapat memotivasi para peserta supaya berfikir secara kritikal dan lebih berani untuk mendapatkan hak masing-masing.

Artikel ini  
disumbangkan oleh  
FOMCA

Persatuan-persatuan dan Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

# Kelebihan dan Keburukan Kredit

Dalam kegawatan ekonomi kini, tidak hairan ramai para pengguna terdedah kepada masalah kredit seperti kadar faedah yang tinggi, tempoh bayaran balik yang singkat dan kecenderungan untuk menambah kredit yang sedia ada.

Namun begitu, sebelum melakukan sebarang tindakan yang merugikan atau membebankan pengguna di kemudian hari, ketahuilah kelebihan dan keburukan kredit.

- ✓ Kredit membolehkan pengguna berbelanja terlebih dahulu dan menambah daya beli mereka.
- ✓ Kredit membolehkan anda gunakan wang pada masa-masa kecemasan.
- ✓ Pembayaran ansuran yang ditawarkan, membolehkan anda memiliki sesuatu barang atau perkhidmatan dengan lebih segera.

Walaun begitu, pengguna juga harus berhati-

hati bahawa kredit juga mempunyai keburukan:

- ✗ Menggalakkan anda membuat pembelian secara tidak terancang dan belanja berlebihan.
- ✗ Melibatkan tambahan beban kewangan.
- ✗ Melibatkan risiko tahap kewangan pada masa depan.
- ✗ Leka dengan pembelian dan pengaruh kemudahan tawaran yang disediakan.
- ✗ Mendorong inflasi.

Oleh hal demikian, beringatlah bahawa di samping kelebihan kredit, ia juga pada hakikatnya mempunyai keburukan. Apatah lagi, dalam suasana kegawatan ekonomi masa kini penggunaan kredit bukanlah satu-satunya jalan dalam menangani masalah kewangan. Sebaliknya, amalkanlah perbelanjaan yang berhemat sambil berjimat, elakkan pembaziran dan berbelanja hanya ketika perlu dan menambah tabungan.

## Mengendali Jualan Rumah ke Rumah

Pelbagai rungutan mengenai kegiatan jualan dari rumah ke rumah daripada para pengguna, khususnya suri rumah bukan merupakan perkara baru.

Bermacam taktik dan muslihat digunakan oleh jurujual semata-mata untuk memikat pengguna supaya terpengaruh dengan barang atau perkhidmatan yang ditawarkan. Oleh itu, adalah penting para pengguna mengetahui dan memahami cara-cara bagaimana untuk mengendalikan jurujual-jurujual seperti ini.

Pengguna harus beringat bahawa matlamat jurujual adalah untuk mendapatkan pesanan. Mereka akan mengatakan apa sahaja untuk membuat anda menandatangani borang pesanan atau membayar wang pendahuluan bagi barang atau perkhidmatan yang ditawarkan.

Berikut ialah beberapa panduan yang boleh diikuti apabila berhadapan dengan kegiatan jurujual dari rumah ke rumah ini:

- ⇒ Jangan terburu-buru. Anda boleh pada bila-bila masa meminta mereka meninggalkan risalah (brosur) dan borang pesanan. Beritahu mereka bahawa anda perlu berunding terlebih dahulu dengan keluarga. Mereka boleh datang semula pada hari lain.
- ⇒ Jangan mudah terpengaruh dengan kata-kata jualan seperti "ini adalah tawaran khas",

"tawaran istimewa", "harga istimewa", "peluang memenangi cabutan bertuah" dan sebagainya. Lazimnya, ia hanyaiah satu taktik untuk mendapatkan pesanan atau tempahan.

⇒ Belajar mengatakan "tidak" jika anda tidak berhasrat untuk membeli sesuatu. Ramai orang membeli untuk membuat jurujual pergi atau beredar. Anda tidak sepatutnya merasa 'serbasalah' atau 'terpaksa' membeli walaupun mereka telah lama membuat penjelasan dan demonstrasi (terhadap barang berkenaan).

⇒ Jangan menandatangani borang pesanan kecuali anda sangat yakin yang anda mampu untuk membuat pembayaran. Apabila anda telah menandatangannya, hanya ada sedikit harapan untuk mendapatkan semula wang anda jika anda menukar fikiran.

⇒ Baca terma pesanan atau perjanjian dengan teliti, terutamanya cetakan (tulisan) halus atau kecil. Apa yang dikatakan oleh jurujual tidak akan diambilkira jika anda telah menandatangani borang pesanan. Anda terikat kepada apa yang terkandung di dalam dokumen berkenaan dan bukan apa yang dijanjikan oleh jurujual.

⇒ Dapatkan salinan borang pesanan atau borang perjanjian. Pastikan semua janji tambahan yang dibuat jurujual seperti hadiah percuma turut tertulis dalam semua salinan perjanjian.

⇒ Penghantaran perlulah dalam tempoh seperti yang dinyatakan dalam pesanan anda. Jika anda tidak menerima dalam tempoh yang dinyatakan, anda hendaklah menghubungi atau menulis kepada syarikat berkenaan dan salinan atau maklumkan kepada Persatuan Pengguna berhampiran atau pihak berkuasa.

## Sambungan dari hal. 1

demikian. Sebenarnya, sikap berjimat-cermat dan belanja secara berhemat adalah tabiat baik yang perlu diamalkan setiap waktu, tidak kira keadaan ekonomi negara. Semua agama menyeru umatnya mengelakkan pembaziran dan bersikap sederhana dalam segala aspek kehidupan.

Jangan belanja dengan boros semata-mata untuk perayaan. Selepas perayaan tamat, adalah masa yang lebih mencabar bagi kita. Barang-barang yang kita import akan menjadi lebih mahal, khususnya harga yang tidak dapat dikawal oleh Kerajaan. Bagi barang import yang tiada pengganti tempatan

atau bekalan tempatan tidak mencukupi, maka pengguna perlu membayar lebih untuk membeli barang berkenaan.

Eloklah kita menghayati nilai-nilai baik di sebalik sambutan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa. Elakkan pembaziran. Amalkan sikap berbelanja dengan jimat-cermat. Gunakan peluang perayaan untuk menguatkan silaturrahim sesama keluarga, jiran dan sahabat-handai.

Akhir sekali, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina dan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

YB. Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob,  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan  
Hal Ehwal Pengguna

**Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pejabat-pejabat Penguatkuasa di ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.**

### Bahagian Penguatkuasa:

Bilik Gerakan K. Lumpur	03-4436888/03-4437888
Wilayah Persekutuan K. Lumpur	03-4423555
Kuala Lumpur (Ibu Pejabat)	03-4433366

Perlis	
Kangar:	04-9761478
Kedah	
Alor Star:	04-7339062
Sg. Petani:	04-4213400
Langkawi:	049660420
Pulau Pinang	
P.Pinang:	04-2616168
Seberang Prai:	04-3317500
Perak	
Ipooh:	05-2555001
Taiping:	05-8075044
Teluk Intan:	05-6227967
Selangor	
Shah Alam:	03-5595544
Kajang:	03-8367444
K.Kubu Baru:	03-8042495

Wilayah Persekutuan		
K.Lumpur.	03-4423555	
Labuan:	089-417669	
N. Sembilan		
Seremban:	06-7630911	
Melaka		
Melaka:	06-2820422	
Johor		
Johor Bahru:	07-2234699	
Kluang:	07-7736877	
Muar:	06-9522709	
Mersing:	07-7994211	
Pahang		
Kuantan:	09-556948	
Temerloh:	09-2961688	
Raub:	09-3551670	
Terengganu		
K. Terengganu:	09-6221234	
Kemaman:	09-8591919	
Kelantan		
Kota Bharu:	09-7481117	
Kuala Krai:	09-9666368	
Sabah		
K.Kinabalu:	088-235702	
Sandakan:	089-668291	
Tawau:	089-776690	
Sarawak		
Kuching:	082-245202	
Sibu:	084-331931	
Miri:	085-412862	
Bintulu:	086-332176	

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat	Perniagaan
K. Lumpur (Ibu Pejabat)	03-4433366
Alor Setar	04-7318277
Butterworth	04-3327793
Ipooh	05-2547913
Kota Bharu	09-7484599
Kuantan	09-553600
K. Terengganu	09-6237170
Johor Bharu	09-2244710
Melaka	06-2821822
Bahagian Harta Intelek	
K. Lumpur (Ibu Pejabat)	03-2329955
Kota Kinabalu	088-233571
Kuching	089-428499
Bhg. Hal Ehwal Pengguna	
Bhg. Perdagangan Dalam Negeri	03-2329955
Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat	
K. Lumpur (Ibu Pejabat)	03-4433366
Alor Setar	04-7330111
P. Pinang	04-3332081
Ipooh	05-2416900
Kuantan	09-553866
Kota Bharu	09-7482860
Kota Kinabalu	088-233346
Kuching	082-428499
Labuan	087-414100

**INFLASI SIFAR**  
*Sasaran kita*